

25 JAN 2002

DR MAHATHIR MENUNAIKAN SOLAT JUMAAT DI MASJID BUKIT KATIL

MELAKA, 25 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyertai kira-kira 1,000 jemaah untuk menunaikan solat Jumaat di masjid Bukit Katil, di sini.

Turut hadir ialah Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Ali Rustam, Speaker Dewan Undangan Negeri Datuk Amid Nordin, Exco kerajaan negeri, ketua-ketua jabatan dan penduduk di sekitarnya.

Selepas menunaikan solat, Perdana Menteri menyertai orang ramai di situ menghadiri majlis jamuan makan tengah hari di perkarangan masjid berkenaan.

Orang ramai juga menggunakan kesempatan berkenaan untuk bersalaman dengan Dr Mahathir sebelum beliau bertolak ke Puteri Resort, Air Keroh untuk merasmikan kursus pengerusi dan setiausaha Biro Latihan Umno seluruh negara.

-- BERNAMA

NO SBS PR